



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM TITIPAN KASIH MERUPAKAN INISIATIF TERKINI UNTUK WARGA BANDAR DI SELURUH MALAYSIA

SUNGAI BESAR, 14 Mac 2013 – YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Majlis Pelancaran Program Titipan Kasih 2013 Peringkat Nasional di sini.

2. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Yayasan MyKasih telah **melancarkan inisiatif pemberian bakul makanan kepada golongan miskin di bandar melalui Program Titipan Kasih** seperti yang termaktub dalam Buku Pelan Hala Tuju GTP 2.0. Pihak KWPKB akan bekerjasama dengan Yayasan MyKasih yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang telah menjalankan aktiviti membantu golongan miskin sejak tahun 2009 dengan kaedah menggunakan teknologi MyKad.

3. Melalui program ini penerima bantuan tidak lagi diberikan wang tunai atau bakul makanan yang berisi makanan. Para penerima bantuan boleh **menggunakan MyKad dengan melarikkan *card reader* yang dipasang di *outlet* terpilih di kawasan tempat tinggal mereka untuk membeli barangan keperluan bernilai RM80.00**. Antara *outlet* tersebut adalah Giant, Mydin, KK Mart, Econsave, The Store, Kedai Rakyat 1Malaysia, 99 Speedmart, Pasar Raya Bilal, Tunas Manja, dan Milimewa. Senarai *outlet* tersebut bukan merupakan senarai yang muktamad, tetapi bilangan *outlet-outlet* tersebut akan diperluaskan dan dipertambahkan dari semasa ke semasa.

4. **Seramai 3200** orang akan menerima bantuan ini melalui Program Titipan Kasih pada tahun ini. Kesemua penerima tersebut adalah tersenarai dalam kategori Miskin Tegar di sistem eKasih, warganegara Malaysia, berusia 60 tahun ke bawah, mempunyai bilangan anggota isi rumah seramai lima orang ke atas dan berpendapatan PerKapita RM120 ke bawah.

5. Program Titipan Kasih oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang akan berlangsung sehingga bulan Disember 2013 ini, diharap dapat membantu meringankan beban ketua isi rumah yang mempunyai tanggungan yang ramai serta mereka yang berpendapatan rendah dalam menyediakan keperluan makanan seisi ahli keluarga. Secara keseluruhannya, program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar adalah untuk memastikan setiap warga miskin bandar menikmati kehidupan di bandar yang lebih sejahtera, terjamin dan berkualiti.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

14 Mac 2013

KUALA LUMPUR